

SOALAN LAZIM MENGENAI KEMPEN JOM BERAYA JOM MENYIMPAN 2020

1. **Soalan**

Apakah Kempen Jom Beraya Jom Menyimpan?

Jawapan:

Kempen cabutan bagi pendeposit yang membuat simpanan SSPN di dalam tempoh musim perayaan Aidilfitri.

2. **Soalan**

Bilakah tempoh kempen ini?

Jawapan:

18 Mei hingga 30 Jun 2020

3. **Soalan**

Siapakah yang layak untuk menyertai kempen Jom Beraya Jom Menyimpan 2020?

Jawapan:

Semua pendeposit SSPN

4. **Soalan**

Apakah syarat penyertaan?

Jawapan:

Kelayakan Umum:

- I. Terbuka kepada **pendeposit SSPN**;
- II. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN dan ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak);
- III. Pendeposit perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan dalam tempoh promosi;
- IV. Bilangan cabutan mengikut simpanan yang dibuat oleh pendeposit sama ada SSPN-i atau SSPN-i Plus (berdasarkan amaun pakej) atau kedua-duanya sekali :
 - A. Simpanan bersih bernilai RM100 sepanjang tempoh kempen bersamaan dengan satu (1) cabutan bagi saluran deposit tetap (potongan gaji/direct Debit/auto debit dll);
 - B. Simpanan bersih bernilai RM100 sepanjang tempoh kempen bersamaan dengan dua (2) cabutan bagi saluran selain daripada deposit tetap (atas talian (fpx), perbankan *online*, kaunter PTPTN dll).

- V. Pendeposit perlu memastikan akaun kekal aktif sehingga 31 Julai 2020.
- VI. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini sekiranya perlu tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- VII. Simpanan bersih RM300 ke atas dalam tempoh kempen akan melayakkan pendeposit untuk cabutan peringkat nasional.

5. Soalan

Apakah hadiah yang ditawarkan dalam kempen ini?

Jawapan:

PERINGKAT NASIONAL

Hadiah	RM	Bilangan Hadiah	JUMLAH (RM)
Pertama : Wang Tunai bernilai RM8,000	8,000.00	1	8,000.00
Kedua : Wang Tunai bernilai RM4,000	4,000.00	1	4,000.00
Ketiga : Wang Tunai bernilai RM2,000	2,000.00	1	2,000.00
Saguhati : Wang Tunai bernilai RM500	500.00	200	100,000.00
Jumlah Keseluruhan		203	114,000.00

PERINGKAT NEGERI

Hadiah	RM	Bilangan Hadiah	JUMLAH (RM)	14 NEGERI	
				Bilangan Hadiah	JUMLAH (RM)
Pertama : Wang Tunai bernilai RM3,000	3,000.00	1	3,000.00	14	42,000.00
Kedua : Wang Tunai bernilai RM1,500	1,500.00	1	1,500.00	14	21,000.00
Ketiga : Wang Tunai bernilai RM500	500.00	1	500.00	14	7,000.00
Saguhati : Wang Tunai bernilai RM100	100.00	55	5,500.00	770	77,000.00
Jumlah Keseluruhan		58	11,500.00	812	147,000.00

6. Soalan

Berapakah simpanan SSPN yang diperlukan untuk melayakkan pendeposit kepada cabutan peringkat negeri?

Jawapan:

Simpanan bersih SSPN minimum RM100 untuk melayakkan pendeposit kepada cabutan peringkat negeri.

7. Soalan

Berapakah simpanan SSPN yang diperlukan untuk melayakkan pendeposit kepada cabutan peringkat nasional?

Jawapan:

Simpanan bersih SSPN minimum RM300 akan melayakkan pendeposit kepada cabutan peringkat nasional.

8. Soalan

Bagaimanakah caranya untuk melayakkan saya menyertai kedua-dua peringkat cabutan?

Jawapan:

Setelah mencapai simpanan bersih RM300 .